

SUMBANGAN WANITA DALAM PERNIAGAAN



PADA tahun 2010, Toffler Associates meramalkan bahawa dalam tempoh 40 tahun akan datang lebih banyak wanita berada di tampuk kuasa. Mereka akan menjadi pemimpin di kebanyakan negara di seluruh dunia. Ramalan ini benar-benar menjadi nyata dengan terlantiknya lebih banyak wanita menjadi ketua negara yang menyaksikan kebangkitan baharu golongan hawa pada abad ini yang belum pernah berlaku dalam sejarah.

Trend terbaharu kini, menyaksikan wanita juga cemerlang dalam bidang perniagaan dan sedang menguasai bidang itu. Wanita meninggalkan tempat kerja untuk menjadi usahawan. Revolusi baharu sedang melanda dunia hari ini yang berlawanan revolusi sekitar dekad 1970, iaitu wanita ke luar rumah untuk memasuki pasaran kerja. Dalam tempoh 20 tahun terakhir ini, wanita memulakan perniagaan pada kadar yang lebih tinggi daripada lelaki dan cenderung untuk mewujudkan perniagaan mikro serta berniaga kecil-kecilan dari rumah.

Berniaga sememangnya sudah sebatih dengan jiwa wanita di kebanyakan negara dan menjadikannya sebagai pekerjaan tradisi dan dilakukan di tepi-tepi jalan atau di hadapan rumah secara sambil dan kecil-kecilan sebagai sumber pendapatan mereka. Mereka menjual apa-apa sahaja daripada sayur-sayuran dan buah-buahan segar yang

dipetik di belakang rumah hinggalah bantal kekabu yang dijahit sendiri. Masa berniaga mereka fleksibel dan mengikut kesesuaian. Sambil berniaga mereka masih dapat mengurus rumah tangga dan anak yang menjadi tugas hakiki. Hal ini merupakan salah satu sebab lebih banyak wanita memilih berniaga berbanding denganmakan gaji.

Bezanya, usahawan wanita pada hari ini lebih berpendidikan. Mereka melihat perniagaan sebagai kerjaya profesional yang perlu dilakukan dengan serius dan memberikan pendapatan yang lumayan. Lebih hebat, wanita menjadi pemilik dan menggajikan pekerja untuk mengurus perniagaan sambil memantau perniagaan dari rumah.

Di Malaysia, akrobanya wanita dengan perniagaan dapat disaksikan di pasar di Kelantan, Terengganu, di kedai sepanjang Jalan Masjid India dan Jalan Tuanku Abdul Rahman yang rata-ratanya dikuasai oleh wanita. Usahawan wanita di Malaysia kebanyakan terlibat dalam perniagaan kecil dan sederhana (PKS). Terdapat 82 911 buah syarikat dimiliki oleh wanita di Malaysia yang mewakili 16 peratus syarikat PKS dan 90 peratus terlibat dalam sektor perkhidmatan, manakala 10 peratus pembuatan dan pertanian.

Fenomena yang sama dapat disaksikan di Manila, Surabaya, Soa Paulo, Mumbai dan Bangkok. Wanita usahawan masa depan ini menguasai arena perniagaan di negara Scandinavia dan Amerika Syarikat. Mereka ini mewakili kecanggihan kemajuan wanita bagi abad ke-21 yang menyimpang dari dekad yang lalu, apabila banyak berjaya dan menjadi kaya di kebanyakan negara.

Kaji selidik yang dijalankan mengenai pencapaian wanita menunjukkan golongan hawa sedang melangkah lebih jauh dan pantas. Di negara membangun yang baru memberikan kuasa kepada wanita menunjukkan peningkatan luar biasa wanita sebagai perwakilan politik, penggubal undang-undang, dan menguasai bidang pendidikan. Lebih penting, mereka menduduki strata

ekonomi utama abad ke-21 sebagai pemilik perniagaan berdaftar.

Kajian yang dijalankan *Global Entrepreneurship Monitor* (GEM) pada tahun 2011 mendapati ada 400 juta usahawan di seluruh dunia dan 104 juta daripadanya ialah wanita yang berumur antara 18 tahun hingga 64 tahun yang aktif serta baru memulakan dan menjalankan perniagaan yang menyumbang kepada ekonomi di 54 buah negara. Sementara itu, 83 juta lagi terdiri daripada usahawan wanita yang sudah mantap perniagaannya.

Brazil, India, Vietnam dan Filipina mengalami pertumbuhan pesat. Misalnya di India, 71 peratus usahawan wanita berjaya dalam perniagaan dan melatih pekerja untuk melebarkan perniagaan mereka. Lebih memeranjatkan kita lagi, 90 peratus yang menjalankan perniagaan masih lagi bekerja makan gaji. Berdasarkan kajian yang dijalankan Joel Kotkin, Profesor di Universiti Chapman, California, dapatan menunjukkan bahawa di negara membangun, jumlah usahawan wanita lebih tinggi berbanding dengan negara industri.

Jadual 1 Penyertaan wanita dalam pemilihan syarikat, pengurusan, dan tenaga kerja.

Wilayah	Syarikat Milik Wanita (%)	Pekerja Wanita Sepenuh Masa (%)	Syarikat yang Mempunyai Pengurus Wanita Terbaik (%)
Keseluruhan negara	33.1	28.9	17.2
Asia Timur dan Pasifik	52.4	38.7	22.5
Eropah Timur dan Asia Tengah	36.2	38.1	18.7
Amerika Latin dan Caribbean	38.9	31.3	-
Timur Tengah dan Afrika Utara	20.2	17.7	-
OECD	31.7	-	-
Asia Selatan	15.6	16.1	7.1
Sub-Sahara Afrika	29.1	22.9	15

Sumber: Kajian Perniagaan, Bank Dunia.

Lapan buah negara mempunyai kadar usahawan wanita yang setara dengan lelaki, iaitu Panama, Venezuela, Jamaica, Guantemala, Brazil, Thailand, Switzerland dan Singapura. Keusahawanan wanita menjadi pemacu ekonomi di Amerika Latin dan Caribbean. Di Thailand dan Brazil, usahawan wanita memberikan sumbangan yang tinggi kepada kecekapan ekonomi, manakala di Eropah Barat dan Asia, mereka memberikan sumbangan yang tinggi dalam kemajuan inovasi.

Dalam ekonomi yang sedang berkembang, usahawanan wanita di

Ada 400 juta usahawan di seluruh dunia dan 104 juta daripadanya ialah wanita yang berumur antara 18 tahun hingga 64 tahun yang aktif serta baru memulakan dan menjalankan perniagaan yang menyumbang kepada ekonomi di 54 buah negara.

menariknya, peratusan pengurus terbaik melebihi jumlah yang dicatat pada peringkat antarabangsa, iaitu 17.2 peratus. Di wilayah ini juga, usaha wanita mewujudkan peluang pekerjaan antaranya 25 peratus di Tajikistan dan 22.5 peratus di Turkmenistan.

Di Amerika Syarikat, kajian yang dijalankan oleh *American Express* mendapati bahawa syarikat perniagaan milik wanita melebihi 8.3 juta menjana pendapatan hampir 1.5 trilion (RM4.01 trilion) dan menyumbang peluang pekerjaan kepada 7.7 juta pada tahun 2012. Pada tahun 2011 hingga tahun 2012, jumlah perniagaan di Amerika Syarikat meningkat 10 peratus, tetapi jumlah syarikat milik wanita meningkat 54 peratus. Hal ini menunjukkan pertumbuhan 1.5 kali lebih tinggi daripada kadar purata kebanyakannya dalam tempoh 15 tahun.

Pada tahun lepas sahaja, syarikat perniagaan milik wanita menandatangani 200 ribu bersamaan 550 buah perjanjian syarikat baharu dibuka. Georgia, North Carolina, Mississippi dan Texas mencatatkan pertumbuhan syarikat perniagaan yang tertinggi di negara-negara tersebut. Data juga menunjukkan, tujuh dari 13 industri kritikal dikuasai oleh wanita, iaitu sektor pemborongan; kewangan dan insurans; perkhidmatan; penjagaan kesihatan dan kerja-kerja pembinaan dan seni/hiburan/rekreasi.

Di Poland dan Slovakia, jumlah usahawan wanita 30 peratus, manakala di Slovenia 28 peratus. Di Austria kini, 34 peratus syarikat perniagaan persendirian dimiliki oleh wanita. Di Eropah Timur dan Asia Tengah, wanita menguasai 27 peratus perniagaan. Saham usahawan wanita dalam perniagaan 40 peratus di Latvia, tetapi kurang 15 peratus di Armenia dan hanya 11 peratus di Turki.

Data daripada Kajian Perniagaan Bank Dunia mendapati bahawa pemilihan syarikat perniagaan wanita adalah tinggi, iaitu 36.2 peratus di wilayah ini. Yang

Jadual 2 Taburan dan penumpuan syarikat perniagaan milik wanita di AS, 2012.

Industri	Pemilikan Saham Syarikat (%)	Taburan Mengikuti Industri (%)
Pembinaan	7.2	2.8
Peruncitan	34.0	11.2
Kewangan dan insurans	19.9	2.6
Harta tanah	24.7	7.5
Profesional/saintifik/perkhidmatan teknikal	29.1	14.2
Perkhidmatan pentadbiran	36.9	9.2
Perkhidmatan pendidikan	45.2	4.6
Penjagaan kesihatan/khidmat sosial	52.9	19.7
Seni, hiburan, rekreasi	30.5	4.8
Penginapan dan perkhidmatan pakaian	24.7	2.4
Perkhidmatan lain	40.3	15.6
Industri lain	18.6	5.4
Jumlah industri	29.2	100.0

Sumber: American Express OPEN/Womenable, 2012.

Banyak penganalisis meramalkan bahawa lebih daripada 50 peratus golongan yang bekerja sendiri di Amerika Syarikat pada abad ke 21 terdiri daripada wanita. Census Bureau di Amerika Syarikat, sebuah badan berwibawa yang membuat pemerhatian dan kajian terhadap prestasi perniagaan, menjangkakan pada tahun 2025 peratusan wanita yang menjadi pemilik tunggal perniagaan meningkat kepada 55 peratus.

Pengamatan dan kajian global membuktikan wanita sangat signifikan dengan keusahawanan yang menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi tempatan, kebangsaan dan global. Kajian turut memperlihatkan bidang keusahawanan merapatkan jurang pekerjaan lelaki dengan wanita yang meningkatkan 13

peratus keluaran dalam negara kasar (KDNK) zon Eropah.

Analisis di Asia dan Pasifik pula memperlihatkan bidang keusahawanan meningkatkan peluang pekerjaan yang menyumbang antara AS\$42 bilion (RM130 bilion) hingga AS\$46 bilion (RM142 bilion) setahun kepada KDNK. Dengan potensinya sebagai tenaga kerja dan keberkesanan penggalakan keusahawanan, wanita bakal mengubah pembangunan global.

Kecenderungan wanita menceburi dunia keusahawanan pada era digital ini menyumbang kepada peningkatan syarikat milik wanita disebabkan oleh kenaikan taraf hidup yang menghendaki kedua-dua suami dan isteri bekerja untuk menambah pendapatan. Hal ini ditambah



lagi dengan kekurangan pekerjaan dan persaingan dengan lelaki menyebabkan wanita memilih untuk bekerja di rumah bagi menambah pendapatan keluarga. Secara tradisinya, lelaki mendominasi industri, seperti pembinaan dan pembuatan, yang banyak terjejas disebabkan oleh kemelesetan ekonomi, manakala wanita mendominasi pekerjaan penjagaan kesihatan dan pendidikan.

The Bureau of Labour Statistics menjangkakan, daripada 10 orang pekerja dalam 15 jawatan, satu per tiga daripadanya ialah wanita dan pertumbuhannya lebih pantas pada masa



hadapan. Semasa kemelesetan ekonomi, banyak wanita bekerja lebih masa untuk membantu menyara keluarga dan mereka memberikan sumbangan yang besar kepada pendapatan keluarga. Pada tahun 2008, pekerja wanita menyumbang 45 peratus kepada pendapatan keluarga – angka terbesar pada abad itu.

Usahawan wanita menjadi sumber kuasa pertumbuhan ekonomi dan pembangunan sejagat yang menguasai satu per tiga perniagaan global serta penyumbang pertumbuhan pekerjaan dan pembangunan. Di seluruh dunia, perniagaan milik wanita telah

Kajian menunjukkan wanita lebih baik daripada pengurus atau usahawan lelaki dari segi ketekunan dalam aspek strategik dan teknikal perniagaan; proaktif dan berfokuskan pelanggan.

mewujudkan 13 juta peluang pekerjaan kepada masyarakat yang mendatangkan pendapatan AS\$1.9 trilion (RM5.9 trilion) yang dilihat oleh pakar ekonomi sebagai pembaharuan dalam ekonomi.

Berdasarkan jangkaan yang dikeluarkan oleh *The Guardian Life Small Business Research Institute*, peniaga wanita akan mewujudkan pekerjaan pada masa hadapan. Menjelang tahun 2018 usahawan wanita bakal mewujudkan antara lima juta hingga 5.5 juta peluang pekerjaan baharu. Jumlah ini melebihi separuh daripada 9.7 juta pekerjaan baharu yang dijangka oleh *Bureau of Labour Statistic*, akan diwujudkan oleh IKS.

Bukan sekadar berjaya dalam dunia perniagaan, wanita juga menjadi pilihan syarikat besar untuk dilantik sebagai ketua pegawai eksekutif (CEO). Hal ini terbukti daripada kajian yang dijalankan oleh majalah *Fortune*, 15 daripada 500 syarikat besar yang disenaraikan, CEO-nya ialah wanita. Walaupun jumlah itu masih kecil, angka itu agak memanjatkan jika dibandingkan dengan angka kosong pada 30 tahun yang lepas.

Di Amerika Syarikat, wanita menguasai 46.7 peratus tenaga kerja negara itu, dengan 51.5 peratus terlibat pada peringkat pengurusan dan profesional; 14.4 peratus pegawai eksekutif; 15.7 peratus menduduki kerusi ahli lembaga; 7.6 peratus bergaji tinggi; dan 2.6 peratus dilantik sebagai CEO. Di Itali dan Jepun, kadar pekerja lelaki lebih tinggi 20 peratus daripada wanita.



Walaupun begitu, pekerja wanita di Itali semakin meningkat dalam dekad ini. Begitu juga di negara Mediterranean. Di Sepanyol, tahap wanita muda bekerja kini setara dengan wanita muda yang bekerja di Amerika Syarikat.

Selain muncul pemilik perniagaan, pencipta peluang pekerjaan dan menjadi pilihan syarikat besar, wanita juga penting sebagai pengguna terbesar perniagaan dan menguasai pasaran dunia. Wanita seluruh dunia membelanjakan 20 trilion setiap tahun dan dijangka meningkat 40 peratus dalam tempoh lima tahun akan datang. Pendapatan wanita setahun berjumlah 13 trilion dan dijangka meningkat 40 peratus pada tahun 2015. Di Amerika Syarikat, wanita menguasai AS\$4.3 trilion (RM13.3 trilion) daripada AS\$5.9 trilion (RM18.2 trilion) perbelanjaan pengguna setiap tahun, maknanya 73 peratus perbelanjaan pengguna dikuasai oleh wanita.

Secara kesimpulannya, peningkatan pendidikan wanita turut meningkatkan penyertaan mereka dalam tenaga kerja dan perniagaan yang menyumbang kepada kemajuan ekonomi. Apabila menjadi bos, kajian menunjukkan wanita lebih baik daripada pengurus atau usahawan lelaki dari segi ketekunan dalam aspek strategik dan teknikal perniagaan; proaktif dan berfokuskan pelanggan; prihatin terhadap komuniti dan persekitaran yang diterapkan dalam perancangan perniagaan mereka; bersifat terbuka; komited mencipta peluang dan sanggup berkongsi dengan yang lain. Kelebihan inilah yang akan terus meletakkan wanita di hadapan dalam bidang keusahawanan. **DE**